



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TANGGAPAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN
DAN KAUNSELING DI ENAM BUAH SEKOLAH MENENGAH
DI PERAK**

ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM

FPP 1988 4

TANGGAPAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN
DAN KAUNSELING DI ENAM BUAH SEKOLAH MENENGAH
DI PERAK

oleh

ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM

Tesis ini diserahkan sebagai syarat memenuhi sebahagian
dari keperluan untuk Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia

Julai 1988



PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berikut yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dalam penulisan disertasi ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Dr. Sharifah bt. Mohd. Noor, Encik Ahmad Khalidi Ahmad Mahayiddin dan Puan Rohani Ahmad Tarmizi yang banyak memberikan kritik yang membina, cadangan dan bimbingan semasa penulisan disertasi ini dilakukan.

Kepada Encik Muhamad Hassan bin Abdul Rahman daripada Kementerian Pendidikan dan Encik Husin bin Kamdi, PPT daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah, saya ucapkan terima kasih.

Encik Ismail bin Sajad, Pengetua, Sekolah Menengah King Edward VII, Taiping; Cik Satwant Kaur, Pengetua, Sekolah Menengah Treacher Methodist, Taiping; Tuan Haji Yahaya bin Othman, PPT, Pengetua, Sekolah Menengah Dr. Burhanuddin, Taiping; Tuan Haji Asmawi bin Haji Abdul Kadir, Pengetua, Sekolah Menengah Tengku Menteri, Changkat Jering; Encik Shamsuddin bin Jalil, PJK, Pengetua, Sekolah Menengah Dato' Kamarudin, Batu Kurau; dan Encik Abdul Aziz bin Dawi,



Pengetua, Sekolah Menengah Tat Beng, Sungai Nyior, Trong yang telah memberikan kerjasama kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah tersebut.

Encik Hussaini bin Bahari, Encik Rahmat bin Maarof dan Cik Shamsir bt. Abdul Hamid dari Pusat Komputer, Universiti Pertanian Malaysia yang telah membantu saya menggunakan mesin tebuk dan memproses data melalui komputer.

Akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang turut membantu menyiapkan disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung terutamanya kepada semua pelajar yang telah menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka.



JADUAL KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK	xv
BAB 1 - PENGENALAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia	6
Pernyataan Masalah	8
Tujuan Kajian	10
Kepentingan Kajian	10
Batasan Kajian	12
Definisi Konsep	13
BAB 2 - TINJAUAN TERHADAP PENYELIDIKAN YANG LEPAS	17
BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN	29
Pengenalan	29
Persampelan Sekolah	29
Persampelan	32
Tatacara Kajian	34
Pembolehubah	37



MUKA SURAT

Alat Kajian	41
Kajian Perintis	43
Skala Likert	43
Analisis Data	44
BAB 4 – PENEMUAN DAN PERBINCANGAN	46
Pengenalan	46
Tanggapan Pelajar Terhadap Klien yang Sesuai Untuk Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	46
Pandangan Pelajar Tentang Keupayaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Menyelesaikan Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar	57
Pendapat Pelajar Tentang Sifat Peribadi yang Sesuai bagi Kaunselor	75
Tanggapan Pelajar Tentang Khidmat Bimbingan Pelajaran dan Maklumat Bidang Kerjaya yang Disediakan oleh Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	93
Pandangan Pelajar Terhadap Kegiatan Kelab Bimbingan dan Kaunseling	108
Tanggapan Pelajar Terhadap Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	114
Rumusan dan Perbincangan	123
BAB 5 – RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	147
Kesimpulan Hasil Kajian	147
Cadangan	152
Penutup	159



MUKA SURAT

BIBLIOGRAFI	160
LAMPIRAN A	164
LAMPIRAN B	171
LAMPIRAN C	172
LAMPIRAN D	176
LAMPIRAN E	177



SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
1	JADUAL MENUNJUKKAN LOKALITI SEKOLAH DAN JANTINA PELAJAR	30
2	JADUAL MENUNJUKKAN JUMLAH RESPONDEN DAN JANTINA	33
3	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI KENYATAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PATUT DITUMPUKAN KEPADA PELAJAR YANG LEMAH DALAM BIDANG AKADEMIK MENGIKUT LOKALITI	47
4	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI KENYATAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PATUT DITUMPUKAN KEPADA PELAJAR YANG LEMAH DALAM BIDANG AKADEMIK MENGIKUT LOKALITI ...	49
5	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI KENYATAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PATUT DITUMPUKAN KEPADA PELAJAR YANG LEMAH DALAM BIDANG AKADEMIK MENGIKUT JANTINA	50
6	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI KENYATAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PATUT DITUMPUKAN KEPADA PELAJAR YANG LEMAH DALAM BIDANG AKADEMIK MENGIKUT JANTINA	51
7	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI KENYATAAN PELAJAR PEREMPUAN LEBIH BERMINAT TERHADAP KEGIATAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PELAJAR LELAKI MENGIKUT LOKALITI	52
8	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI KENYATAAN PELAJAR PEREMPUAN LEBIH BERMINAT TERHADAP KEGIATAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	53
9	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI KENYATAAN BAHAWA PELAJAR PEREMPUAN LEBIH BERMINAT TERHADAP KEGIATAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PELAJAR LELAKI MENGIKUT JANTINA	54



10	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI KENYATAAN BAHAWA PELAJAR PEREMPUAN LEBIH BERMINAT TERHADAP KEGIATAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT JANTINA	55
11	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PANDANGAN MEREKA KEPADA KENYATAAN "SEKIRANYA SAYA MENGHADAPI MASALAH PERIBADI SAYA TIDAK BERJUMPA DENGAN KAUNSELOR KERANA SAYA MERASAKAN KAUNSELOR TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH SAYA" MENGIKUT LOKALITI	58
12	CHI-SQUARE: TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PANDANGAN MEREKA KEPADA KENYATAAN "SEKIRANYA SAYA MENGHADAPI MASALAH PERIBADI SAYA TIDAK BERJUMPA DENGAN KAUNSELOR KERANA SAYA MERASAKAN KAUNSELOR TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH SAYA" MENGIKUT LOKALITI	59
13	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PANDANGAN MEREKA KEPADA KENYATAAN "SEKIRANYA SAYA MENGHADAPI MASALAH PERIBADI SAYA TIDAK BERJUMPA DENGAN KAUNSELOR KERANA SAYA MERASAKAN KAUNSELOR TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH SAYA" MENGIKUT JANTINA	60
14	CHI-SQUARE: TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PANDANGAN MEREKA KEPADA KENYATAAN "SEKIRANYA SAYA MENGHADAPI MASALAH PERIBADI SAYA TIDAK BERJUMPA DENGAN KAUNSELOR KERANA SAYA MERASAKAN KAUNSELOR TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH SAYA" MENGIKUT JANTINA	61
15	TABURAN RESPONDEN YANG BERPENDAPAT MALU UNTUK BERJUMPA KAUNSELOR WALAUPUN MEMPUYAI MASALAH MENGIKUT LOKALITI	62
16	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN YANG MERASA MALU UNTUK BERJUMPA KAUNSELOR WALAUPUN MEMPUYAI MASALAH MENGIKUT LOKALITI	63
17	TABURAN RESPONDEN YANG BERPENDAPAT MALU UNTUK BERJUMPA KAUNSELOR WALAUPUN MEMPUYAI MASALAH MENGIKUT JANTINA	64

18	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN YANG MERASA MALU UNTUK BERJUMPA KAUNSELOR WALAUPUN MEMPUNYAI MASALAH MENGIKUT JANTINA	65
19	TABURAN PENDAPAT RESPONDEN UNTUK KENYATAAN "SEKIRANYA MENGHADAPI MASALAH, BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKAN ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT LOKALITI	66
20	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN UNTUK MENYATAAN "SEKIRANYA MENGHADAPI MASALAH, BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKAN ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT LOKALITI	67
21	TABURAN PENDAPAT RESPONDEN UNTUK KENYATAAN "SEKIRANYA MENGHADAPI MASALAH, BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKAN ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT JANTINA	68
22	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN UNTUK KENYATAAN "SEKIRANYA MENGHADAPI MASALAH, BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKAN ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT JANTINA	69
23	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT KEPADA "LEBIH SUKA BERBINCANG MASALAH PERIBADI DENGAN IBU BAPA DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT LOKALITI	70
24	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT KEPADA "LEBIH SUKA BERBINCANG MASALAH PERIBADI DENGAN IBU BAPA DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT LOKALITI	71
25	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT KEPADA "LEBIH SUKA BERBINCANG MASALAH PERIBADI DENGAN IBU BAPA DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT JANTINA	72
26	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT "LEBIH SUKA BERBINCANG MASALAH PERIBADI DENGAN IBU BAPA DARIPADA BERJUMPA KAUNSELOR" MENGIKUT JANTINA	73

27	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI "LAYANAN BAIK OLEH KAUNSELOR KEPADA PELAJAR YANG MENEMUINYA" MENGIKUT LOKALITI	76
28	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN YANG KAUNSELOR SENTIASA MEMBERI LAYANAN YANG BAIK KEPADA PELAJAR YANG MENEMUINYA MENGIKUT LOKALITI	77
29	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI "LAYANAN BAIK OLEH KAUNSELOR KEPADA PELAJAR YANG MENEMUINYA" MENGIKUT JANTINA	78
30	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN YANG KAUNSELOR SENTIASA MEMBERI LAYANAN YANG BAIK KEPADA PELAJAR YANG MENEMUINYA MENGIKUT JANTINA	79
31	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA "MUDAH UNTUK BERJUMPA KAUNSELOR SEKIRANYA INGIN MENDAPATKAN PERKHIDMATANNYA" MENGIKUT LOKALITI	80
32	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA "MUDAH UNTUK BERJUMPA DENGAN KAUNSELOR SEKIRANYA INGIN MENDAPATKAN PERKHIDMATANNYA" MENGIKUT LOKALITI	81
33	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA "MUDAH UNTUK BERJUMPA KAUNSELOR SEKIRANYA INGIN MENDAPATKAN PERKHIDMATANNYA" MENGIKUT JANTINA	82
34	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA "MUDAH UNTUK BERJUMPA DENGAN KAUNSELOR SEKIRANYA INGIN MENDAPATKAN PERKHIDMATANNYA" MENGIKUT JANTINA	83
35	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MEMPERCAYAI KAUNSELOR MERAHSIAKAN SEMUA HAL PERIBADI YANG DICERITAKAN OLEH KLIEN KEPADANYA MENGIKUT LOKALITI	84
36	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA MEREKA MEMPERCAYAI KAUNSELOR MERAHSIAKAN SEMUA HAL PERIBADI YANG DICERITAKAN OLEH KLIEN KEPADANYA MENGIKUT LOKALITI	85

37	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MEMPERCAYAI KAUNSELOR MERAHSIAKAN SEMUA HAL PERIBADI YANG DICERITAKAN OLEH KLIEN KEPADANYA MENGIKUT JANTINA	86
38	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA MEREKA MEMPERCAYAI KAUNSELOR MERAHSIAKAN SEMUA HAL PERIBADI YANG DICERITAKAN OLEH KLIEN KEPADANYA MENGIKUT JANTINA	87
39	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI KENYATAAN SAMA ADA KAUNSELOR DI SUKAI OLEH PELAJAR DI SEKOLAH MENGIKUT LOKALITI	88
40	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN SAMA ADA KAUNSELOR DISUKAI OLEH PELAJAR DI SEKOLAH MENGIKUT LOKALITI	89
41	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI KENYATAAN SAMA ADA KAUNSELOR DI SUKAI OLEH PELAJAR DI SEKOLAH MENGIKUT JANTINA	90
42	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN SAMA ADA KAUNSELOR DISUKAI OLEH PELAJAR DI SEKOLAH MENGIKUT JANTINA	91
43	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI SAMA ADA LENGKAP MAKLUMAT PENGAJIAN TINGGI YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	94
44	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN MENGENAI SAMA ADA LENGKAP MAKLUMAT PENGAJIAN TINGGI YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	95
45	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI SAMA ADA MENCUKUPI MAKLUMAT BIASISWA YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	97

46	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN SAMA ADA MENCUKUPI MAKLUMAT MENGENAI BIASISWA YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	98
47	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA KEPADA KENYATAAN KEKURANGAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	99
48	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA TERDAPAT KEKURANGAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	100
49	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA KEPADA KENYATAAN KEKURANGAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT JANTINA	101
50	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA TERDAPAT KEKURANGAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA YANG DISEDIAKAN OLEH PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT JANTINA ...	102
51	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA 'SEKIRANYA TIADA PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MEREKA BOLEH JUGA MENDAPATKAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG LAIN, MENGIKUT LOKALITI	103
52	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN "SEKIRANYA TIADA PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MEREKA BOLEH JUGA MENDAPATKAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG LAIN" MENGIKUT LOKALITI	104
53	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA 'SEKIRANYA TIADA PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MEREKA BOLEH JUGA MENDAPATKAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG LAIN, MENGIKUT JANTINA	105



54	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN "SEKIRANYA TIADA PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MEREKA BOLEH JUGA MENDAPATKAN MAKLUMAT BIDANG KERJAYA DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG LAIN" MENGIKUT JANTINA	106
55	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA TENTANG SAMA ADA KELAB BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERGIAT CERGAS JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PERSATUAN-PERSATUAN LAIN DI SEKOLAH, MENGIKUT LOKALITI	109
56	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA BAHAWA KELAB BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERGIAT CERGAS JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PERSATUAN-PERSATUAN LAIN DI SEKOLAH DENGAN LOKALITI	111
57	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA TENTANG SAMA ADA KELAB BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERGIAT CERGAS JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PERSATUAN-PERSATUAN LAIN DI SEKOLAH, MENGIKUT JANTINA	112
58	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA BAHAWA KELAB BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERGIAT CERGAS JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PERSATUAN-PERSATUAN LAIN DI SEKOLAH MENGIKUT JANTINA	113
59	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA TENTANG SAMA ADA KEKURANGAN MAKLUMAT OLEH KAUNSELOR MENYEBABKAN KURANGNYA SAMBUTAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	115
60	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN SAMA ADA KEKURANGAN MAKLUMAT OLEH KAUNSELOR MENYEBABKAN KURANGNYA SAMBUTAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT LOKALITI	116
61	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA TENTANG SAMA ADA KEKURANGAN MAKLUMAT OLEH KAUNSELOR MENYEBABKAN KURANGNYA SAMBUTAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT JANTINA	117

62	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN SAMA ADA KEKURANGAN MAKLUMAT OLEH KAUNSELOR MENYEBABKAN KURANGNYA SAMBUTAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING MENGIKUT JANTINA	118
63	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA BAHAWA KEWUJUDAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PENTING BAGI SETIAP SEKOLAH MENGIKUT LOKALITI	119
64	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA KEWUJUDAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PENTING BAGI SETIAP SEKOLAH MENGIKUT LOKALITI	120
65	TABURAN RESPONDEN MENUNJUKKAN PENDAPAT MEREKA BAHAWA KEWUJUDAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PENTING BAGI SETIAP SEKOLAH MENGIKUT JANTINA	121
66	CHI-SQUARE: PENDAPAT RESPONDEN MENUNJUKKAN KENYATAAN BAHAWA KEWUJUDAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING PENTING BAGI SETIAP SEKOLAH MENGIKUT JANTINA	122



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat keperluan ijazah Master Sains

TANGGAPAN PELAJAR TERHADAP PERKHIDMATAN BIMBINGAN
DAN KAUNSELING DI ENAM BUAH SEKOLAH MENENGAH DI PERAK

oleh

ALIMUDDIN HAJI MOHD. DOM

Julai 1988

Penyelia : Sharifah bt. Mohd. Noor, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling merupakan satu program dan kegiatan terancang yang dijalankan di semua sekolah menengah di seluruh negara. Tujuannya ialah untuk membimbing pelajar mengatasi masalah yang dihadapi serta membantu mereka memahami diri, kebolehan dan memperkembangkan potensi yang sedia ada pada diri mereka. Perkhidmatan ini juga akan bertindak memberi maklumat di dalam bidang pelajaran dan kerjaya mereka. Program Bimbingan dan Kaunseling dijalankan oleh kaunselor sepanjang tahun di semua sekolah menengah.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tanggapan pelajar terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dari segi fungsi, keupayaan dan keberkesanannya. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan



tanggapan di antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar serta pelajar-pelajar lelaki dan perempuan terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah di daerah Larut dan Matang, Perak. Seramai 600 pelajar dipilih sebagai subjek kajian yang terdiri daripada 300 pelajar lelaki dan 300 pelajar perempuan. Kajian ini dijalankan dengan soal selidik yang mengandungi 34 item. Data-data yang didapati dianalisis dengan cara taburan kekerapan, peratusan dan chi-square.

Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai tanggapan yang positif terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Tidak banyak perbezaan yang signifikan di antara tanggapan pelajar bandar dan luar bandar serta di antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap kenyataan-kenyataan mengenai perkhidmatan tersebut. Namun demikian ada juga terdapat tanggapan-tanggapan yang berbeza di kalangan responden yang berlainan lokaliti dan jantina terhadap beberapa kenyataan yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun untuk meningkatkan lagi tahap prestasi perkhidmatan ini pelajar-pelajar hendaklah diberi kefahaman yang lebih mendalam tentang prinsip, falsafah dan kegiatan yang dijalankan oleh perkhidmatan ini. Dengan cara ini diharap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling akan menjadi lebih bermakna dan memberi faedah yang lebih besar kepada pelajar.



An abstract of the thesis submitted to the Senate of Universiti
Pertanian Malaysia as partial fulfillment of the requirements
for the degree of Master of Science

STUDENTS' PERCEPTION TOWARDS GUIDANCE AND COUNSELING
SERVICE IN SIX SECONDARY SCHOOLS IN PERAK

by

ALIMUDDIN HAJI MOHD. DOM

July 1988

Supervisor : Sharifah bt. Mohd. Noor, Ph. D.

Faculty : Educational Studies

The Guidance and Counseling Service is a planned programme run by a counselor in all the secondary schools all over the country. The aim of this programme is to help the students overcome their problems, to help them understand themselves, their abilities and also to explore their hidden potentials. This programme serves to provide information in the academic and career fields to the students. The Guidance and Counseling programme runs throughout the year in all secondary schools.

This study was carried out to determine the student's perception towards the function and effectiveness of this programme. It is also to determine the difference in perception between the urban and rural students and also between male and female students.



This study was carried out in six schools in the Larut Matang District, Perak. Six hundred students – three hundred girls and three hundred boys were selected for this study. A questionnaire consisting of 34 items were used. The data were analysed by using the frequency distribution, percentage and chi-square.

The results of this study show that the respondents have a positive perception towards the Guidance and Counseling Service. Except for a few, there was not much significant difference in perceptions towards the service between the male and female and also between the urban and rural students.

Nevertheless, to improve the performance of the service, students must be given a better and deeper understanding of the principles, philosophy and activities of this service. In this way it is hoped that the Guidance and Counseling Service will be more meaningful and beneficial to the students.



BAB 1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling merupakan satu cabang kegiatan penting yang dijalankan di setiap sekolah menengah di seluruh negara. Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu pelajar bagi memahami, menganalisis dan memastikan dirinya dapat berhubung baik dengan persekitaran. Dengan adanya perkhidmatan ini pelajar boleh memperkembangkan potensi yang ada pada diri mereka dengan lebih berkesan.

Downing (1973) menyatakan bahawa Bimbingan dan Kaunseling merupakan satu perkhidmatan yang penting untuk membimbing individu bagi mengatasi konflik dan perubahan tingkah laku yang dialami oleh mereka. Perkhidmatan ini akan dikendalikan oleh kaunselor yang berusaha untuk mengurangkan atau mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar itu. Selain daripada itu kaunselor juga akan berusaha untuk memperkembangkan bakat dan kebolehan yang terdapat pada diri pelajar.

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah berkait rapat dengan dunia pendidikan. Ini disebabkan matlamat utamanya adalah untuk memberi bantuan dan menolong pelajar-pelajar yang



menghadapi sebarang masalah sama ada yang berkaitan dengan bidang akademik, disiplin atau peribadi. Di samping itu perkhidmatan ini juga bertanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar bagi memahami diri mereka sendiri, nilai diri dan perhubungan dengan orang lain. Oleh itu bimbingan dan kaunseling merupakan satu perkhidmatan yang berterusan serta memerlukan perancangan dan pentafsiran yang berkesan untuk menghadapi berbagai masalah yang berbeza.

Kementerian Pendidikan telah memberikan definisi yang lengkap tentang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dijalankan di sekolah. Ini telah dijelaskan dalam buku "Panduan Pelajaran Di Sekolah" yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai garis panduan kepada kaunselor menjalankan tugas tersebut di sekolah.

Bimbingan ditakrifkan sebagai suatu proses secara bersistem yang bertujuan untuk menolong pelajar melalui peraturan-peraturan tertentu. Oleh itu pelajar-pelajar akan dipandu untuk memahami kebolehan dan keupayaannya sendiri supaya bersesuaian dengan peluang dan kehendak sosial berdasarkan nilai-nilai moral dan sosial.

Sementara itu kaunseling pula dimaksudkan sebagai proses berlanjutan yang dirancang untuk individu tertentu mencapai sesuatu matlamat atau tujuan yang bersesuaian dengan dirinya. Kaunseling juga merupakan proses membantu klien, tetapi tidak memaksanya untuk menuju ke suatu matlamat yang ditetapkan oleh

kaunselor. Apa yang dilakukan ialah mengarahkan individu itu ke suatu tujuan yang bersesuaian dengan potensi dan kebolehan yang sedia ada pada diri individu itu. Dalam hal ini individu itu sendirilah yang menentukan pilihan dan mengatasi masalah yang dihadapinya. Oleh yang demikian proses kaunseling merupakan kegiatan yang bersifat kerjasama secara demokratis antara kaunselor dengan klien dan memerlukan teknik-teknik yang tertentu.

Untuk menjalankan perkhidmatan ini beberapa perkara perlu diambil ingatan, iaitu:

- a. proses bimbingan dan kaunseling ini ditujukan kepada klien dan bukannya kepada pesakit;
- b. proses bimbingan dan kaunseling ini merupakan proses pembelajaran yang berbentuk kesedaran dan kecerdasan;
- c. proses bimbingan dan kaunseling ini ditafsirkan berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan untuk tujuan-tujuan pendidikan, kerjaya dan kemasyarakatan; dan
- d. proses bimbingan dan kaunseling adalah untuk membantu klien memberikan sumbangan dan mengambil peluang sepenuhnya dari kehidupan bermasyarakat.

Berdasarkan takrif yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan itu, nyatalah bahawa Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling merupakan program yang bersistem untuk membimbing pelajar berdasarkan nilai-nilai moral dan sosial yang bersesuaian dengan bakat dan kebolehan pelajar itu. Kaunselor

hanyalah bertindak sebagai pembimbing, oleh itu pelajarlah yang akan menentukan cara yang bersesuaian untuk mengatasi masalah dengan cara mereka sendiri.

Kejayaan perkhidmatan ini di sekolah banyak bergantung kepada penglibatan dan sambutan daripada pihak pelajar. Kefahaman pelajar terhadap konsep, falsafah dan peranan perkhidmatan ini secara keseluruhan mestilah diketahui oleh pelajar. Pelajar-pelajar juga perlulah mengetahui program dan kegiatan yang dijalankan oleh perkhidmatan ini. Di samping itu kaunselor mestilah sentiasa bertindak dan mencari idea baru supaya perkhidmatan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelajar. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimanakah tanggapan dan pandangan pelajar terhadap perkhidmatan itu di sekolah mereka.

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas terdapat kecenderungan yang berbeza dari segi tanggapan pelajar-pelajar terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berdasarkan perbezaan lokaliti sekolah dan jantina pelajar.

Dari segi lokaliti sekolah didapati pelajar-pelajar yang bersekolah di kawasan bandar mempunyai tanggapan yang positif terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Ini dapat dilihat melalui kajian-kajian oleh Mohd. Soder (1985) dan Ang Huat Bin (1985). Sementara itu kajian Norpah (1982) didapati pelajar-pelajar sekolah di kawasan bandar kurang memanfaatkan perkhidmatan tersebut di sekolah mereka.